

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 19 May, 2020 11:53 AM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: Ops Balik Kampung Selesai Hantar Pulang Pelajar Ke Seluruh Semenanjung

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 10 Mei 2020 17:40
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: Ops Balik Kampung Selesai Hantar Pulang Pelajar Ke Seluruh Semenanjung



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 MEI 2020 / 17 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nurul Sahadar Che Nuh, Siti Masyitah Che Ishak dan Nur Shafiqah Rozizan (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Abdul Halim Husain

OPS BALIK KAMPUNG SELESAI HANTAR PULANG PELAJAR KE SELURUH SEMENANJUNG



UUM ONLINE: Seramai 900 pelajar yang dihantar pulang malam tadi menjadi kumpulan terakhir Ops Balik Kampung bagi negeri di seluruh Semenanjung Malaysia.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, jumlah tersebut merangkumi pelajar UUM termasuk dari IPT lain yang telah dihantar pulang ke kawasan zon tengah iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor dengan menaiki 56 bas.

Menurutnya, pergerakan pada malam itu juga merupakan pergerakan kedua paling besar selepas pergerakan ke zon timur pada 2 Mei lalu.

“Alhamdulillah, setakat ini tiada masalah yang dihadapi oleh pihak UUM sepanjang menjadi Ketua Zon Utara yang bertanggungjawab merancang, mengatur dan menyelaraskan penghantaran pulang pelajar universiti di zon ini.

“Segala kemudahan sepanjang proses ini banyak dibantu oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memastikan keselamatan kesemua pelajar terjamin ketika negara dilanda penularan Covid-19,” katanya.

Penghantaran pulang pelajar bagi negeri Sabah dan Sarawak pula bermula hari ini secara berperingkat yang mana seramai 160 pelajar dari Sarawak telah diterbangkan dari Alor Setar ke Kuching pagi tadi.

Sehingga kumpulan ketujuh semalam, UUM telah menghantar pulang lebih 3,000 pelajar bermula ke zon tengah, diikuti zon utara, zon timur, zon tengah (Perak) dan zon selatan.

Dalam perkembangan lain, Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Melvin Saw Shang Kean berkata, dia mewakili MPP berbangga kerana dapat membantu universiti melicinkan proses penghantaran pulang pelajar itu.

Menurutnya, walaupun namanya disenaraikan untuk pulang ke rumah, namun dia dan seorang lagi ahli MPP memilih untuk terus tinggal di dalam kampus sehingga operasi tersebut selesai.

Katanya, dia ingin menjalankan tanggungjawab dan janji kepada pelajar UUM yang telah memilihnya sebagai pemimpin mereka.

“Biarpun kerja yang dihulurkan bersama sukarelawan lain dianggap biasa tetapi bantuan kecil ini sangat membantu pelajar-pelajar untuk pulang ke kampung halaman masing-masing.

“Setiap kali operasi, kami akan membantu seperti mengangkat beg pelajar dan mengedarkan makanan sebagai bekalan mereka di dalam bas,” katanya.

Melvin berkata, ia adalah satu pengalaman baru yang berharga, malah lebih menggembirakan apabila dapat melihat rakan-rakan pelajar gembira untuk pulang ke pangkuan keluarga.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.